

29 JUL 1999

DR MAHATHIR LANCAR BUKU "PEMBANGUNAN TERENGGANU DAHULU DAN SEKARANG"

KUALA TERENGGANU, 29 Julai (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini melancarkan buku "Pembangunan Terengganu Dahulu dan Sekarang" sempena lawatan dua harinya ke negeri ini.

Buku setebal 440 muka surat itu, yang diterbitkan oleh Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri, memaparkan dokumentasi mengenai pembangunan Terengganu sejak merdeka hingga sekarang terutama ketika rancangan Fasa 1 Pembangunan Negeri 1980-1995.

Pelancaran buku itu dilakukan selepas majlis perjumpaan Dr Mahathir dengan pegawai-pegawai kerajaan negeri dan persekutuan di Wisma Darul Iman di sini. Turut hadir ialah Menteri Besar Tan Sri Wan Mokhtar Ahmad dan Menteri Penerangan Tan Sri Mohd Khalil Yaakob.

Buat permulaan, buku yang turut memuatkan kata-kata aluan daripada Perdana Menteri, Menteri Besar dan Setiausaha Kerajaan Negeri itu, akan diserahkan kepada jabatan-jabatan kerajaan di negeri ini.

Ia terbahagi kepada 18 bahagian termasuk mengenai pembangunan pendidikan, kemajuan agama Islam, pembangunan infrastruktur dan bandar, sejarah pentadbiran negeri dan alaf baru serta halatuju negeri pada masa depan.

Buku yang diterbitkan hasil idea Wan Mokhtar itu juga mengandungi sejarah Menteri Besar, sejarah Kesultanan Terengganu, senarai anggota majlis kerajaan negeri dan sejarah Setiausaha Kerajaan.

Antara jabatan dan agensi yang terlibat dalam dokumentasi itu ialah Unit Pembangunan Ekonomi Negeri (UPEN), Lembaga Muzium Negeri, Jabatan Agama Islam, Unit Perpaduan Ummah (UPU) dan Pejabat Menteri Besar.

-- BERNAMA

SBS NAK